

Najib gagal masukkan bukti baharu dalam rayuan

BH - 2/12/2021 m/s: 1

Oleh **Ahmad Johari Mohd Ali**
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Najib Razak semalam gagal dalam permohonannya untuk memasukkan bukti dan keterangan baharu bagi dipertimbangkan Mahkamah Rayuan sebelum memutuskan rayuannya untuk mengetepikan sabitan dan hukuman dalam kes penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd (SRC).

Keterangan baharu yang hendak dimasukkan oleh bekas Perdana Menteri dalam rayuannya adalah dakwaan bahawa bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan keluarganya bersekongkol dalam rancangan jahat ahli perniagaan dalam buruan Low Taek Jho atau Jho Low terhadap dirinya.

Dengan penghakiman itu, keputusan rayuan Najib terhadap sabitan dan hukuman penjara 12 tahun serta denda RM210 juta atas tujuh tuduhan pecah amanah jenayah (CBT), pengubahan wang haram dan menyalahguna-

kan kedudukan yang ditetapkan untuk hari ini akan diteruskan seperti dijadualkan.

Bagaimanapun, Mahkamah Rayuan membenarkan Najib dan peguam bela utamanya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah untuk menghadiri prosiding hari ini menerusi aplikasi zoom.

Dalam keputusan semalam, panel tiga hakim diketuai Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Abdul Karim Abdul Jalil yang bersidang bersama-sama Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera sebulat suara memutuskan menolak permohonan memasukkan bukti dan keterangan baharu selepas mendapati Najib gagal menunjukkan ada keadaan luar biasa yang melampau bagi membolehkan mahkamah menerima bukti itu.

Abdul Karim berkata, Najib selaku perayu gagal secara kumulatif dalam memenuhi peruntukan undang-undang berhubung kemasukan bukti baharu.